

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN


DARIPADA : DR. KO CHUNG SAN [KAMPAR]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) Jumlah wang yang akan disuntik oleh PNB, Khazanah dan KWAP untuk membiayai dana RM20 billion ValueCAP; dan
- (b) Sama ada dana ini akan diperoleh daripada pinjaman atau daripada rizab tunai masing-masing institusi tersebut, dan sama ada dana atau pinjaman yang diberi ini akan dijamin oleh Kerajaan.

 (2)

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat ValueCAP Sdn Bhd telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 16 Oktober 2002. Objektif penubuhan syarikat adalah untuk menyumbang secara positif kepada aktiviti pasaran saham tempatan di samping memberi peluang kepada ValueCAP untuk melabur dalam syarikat-syarikat tersenarai yang mempunyai asas kewangan yang kukuh serta prospek pertumbuhan baik yang mana diniagakan pada nilai pasaran yang rendah. Penubuhan ValueCAP pada masa tersebut kena pada waktunya dan sejajar dengan seruan Kerajaan dalam mempromosi pasaran saham yang lebih cekap di bursa saham tempatan dengan peningkatan bilangan pelabur-pelabur institusi yang lebih besar yang mana dapat mencerminkan nilai sebenar saham-saham di pasaran.

Dana RM20 billion bagi tujuan "Mandat Yang Diperbaharui" tersebut akan diperuntukkan oleh pemegang-pemegang saham ValueCAP, iaitu Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah"), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ("KWAP") dan Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dengan matlamat mengambil peluang melabur dalam saham syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia "di bawah nilai" yang mempunyai asas perniagaan kukuh dan mempunyai potensi pertumbuhan jangka panjang.

Penyertaan ValueCAP di dalam pasaran domestik ini dijangka dapat menyuntik dana institusi tambahan ke dalam pasaran dan seterusnya meningkatkan kecairan di pasaran. Dengan mandat yang diperbaharui

ini dan dengan bertambahnya kecairan di pasaran serta minat dan aktiviti pelabur-pelabur dalam pasaran saham tempatan, ianya dijangka membolehkan syarikat-syarikat memperolehi modal secara lebih efisien bagi membiayai keperluan pertumbuhan syarikat dalam jangka panjang. Amaun RM20 bilion tersebut akan dilaburkan secara berperingkat bergantung kepada nilai saham semasa dan waktu yang sesuai. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang secara positif terhadap kegiatan syarikat-syarikat di pasaran, dan terhadap pertumbuhan ekonomi negara amnya.

Seterusnya, suntikan dari pemegang-pemegang saham akan diberi dalam bentuk bon dan dana kewangan luar atau bentuk permodalan lain akan hanya dipertimbangkan dengan syarat ianya mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Dana yang dilabur tidak bertujuan membantu mana-mana syarikat, samada Bumiputera atau bukan Bumiputera. Pelaburan yang dibuat adalah berpandukan falsafah pelaburan berjangka panjang dan tidak semata mata untuk jangkapendek. Ianya berasaskan penilaian terperinci dan rapi terhadap prestasi kewangan saham-saham syarikat dan tidak terhad kepada mana-mana syarikat tertentu. Secara keseluruhannya, pelaburan yang dilaksanakan oleh ValueCAP adalah merangkumi saham-saham syarikat di sektor perbankan, industri pengguna, perkhidmatan, pembinaan, perladangan dan hartanah. Pemilihan saham juga tidak berdasarkan sentimen dan spekulasi, sebaliknya penekanan diberikan ke atas syarikat yang mempunyai rekod perolehan yang kukuh dan konsisten, aliran tunai yang stabil dan dipacu oleh Pengurusan yang baik dari segi tadbir urus syarikat. Syarikat-syarikat yang memberikan pulangan dalam bentuk dividen yang baik dan "defensif" juga menjadi pilihan contohnya "Malayan Banking Berhad", "United Plantation Berhad" dan juga syarikat-

syarikat di kalangan “pelaburan amanah hartanah” atau “REITs” yang rata-ratanya memberikan pulangan dividen melebihi kadar 5% setahun.

Dana ini tidak akan diperolehi dari pihak Kerajaan dan tidak akan dijamin sama sekali oleh pihak Kerajaan.

ValueCAP dianggotai oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional yang mempunyai rekod prestasi yang cemerlang bagi memastikan objektif-objektif pemegang sahamnya tercapai. Ini adalah bagi memastikan objektif jangka panjang mandat terpelihara dan menepati garis panduan pelaburan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pelaburan yang independen dan bebas dari pemegang saham.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sejak tahun 2003 sehingga 2013, ValueCAP mencatatkan prestasi kewangan yang cemerlang, dengan pencapaian purata pulangan pelaburan ekuiti melebihi 16.3 peratus setahun. Pada akhir tahun 2014, ValueCAP telah menghasilkan keuntungan terkumpul berjumlah RM8.5 billion. Sebahagian besar keuntungan yang dijana telah diagihkan kembali dalam bentuk dividen kepada pemegang-pemegang saham ValueCAP berjumlah di sekitar RM8.4 bilion.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TIONG KING SING
(BINTULU)**

TARIKH : 02.11.2015 (ISNIN)

SOALAN : 48

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek terbengkalai di bawah Kementerian khususnya projek bekalan elektrik dan air di Negeri Sarawak terutamanya Bintulu dan apakah perancangan Kementerian untuk menyempurnakan projek tersebut dan bila; dan
- (b) apakah piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Kementerian dalam membina jalan raya dikawasan luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik (BELB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di negeri Sarawak dilaksanakan secara berperingkat dan kebiasaannya mengambil masa antara 6 bulan - 24 bulan untuk disiapkan.

Berdasarkan rekod Kementerian, tiada projek BELB yang terbengkalai di negeri Sarawak khususnya di kawasan Parlimen Bintulu. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan maklumat daripada Yang Berhormat supaya projek yang didakwa terbengkalai dapat disiasat dan diambil tindakan.

Manakala bagi projek BALB pula, berdasarkan semakan dengan JKR Sarawak, terdapat dua (2) projek yang telah siap namun mempunyai masalah pembekalan air di kawasan Bintulu iaitu

Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ke Rh. Unjine, Rh. Robin, Rh. Mudan, Rh. James Brooke, Rh. Chabi, Rh. Banyang dan Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Tatau (Fasa 2), Bahagian Bintulu yang mempunyai masalah ketidakcukupan air dan juga masalah tekanan air yang rendah.

Pihak JKR Sarawak telah mengenalpasti dua (2) buah projek baharu yang perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Salah satu daripadanya ialah Projek Membina dan Menyiapkan BALB Kawasan Tatau (Fasa 2), Bahagian Bintulu yang kini dalam proses rekabentuk dan dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2016. Satu lagi projek iaitu Projek BALB Sambungan Paip dari *pumping main* Ulu Sebauh, Bintulu yang telah disenaraikan untuk dilaksanakan dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Program Jalan Luar Bandar (JALB) yang dilaksanakan Kementerian ini adalah bertujuan untuk memperbaiki dan memperluaskan rangkaian sistem perhubungan darat di kawasan luar bandar. Di samping itu, ia juga merupakan usaha yang berterusan ke arah mempertingkatkan tahap keselesaan dan keselamatan jalan raya dengan memperbaiki dan dinaiktaraf rangkaian sistem jalan raya di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, jalan luar bandar akan dibina mengikut rekabentuk, permukaan dan standard geometrik yang lebih tinggi bagi memastikan tempoh boleh guna yang lebih lama dan kos penyenggaraan yang lebih rendah.

Manakala jalan raya sedia ada akan dinaiktaraf kepada standard yang sama. Memandangkan projek JALB merupakan projek jalan negeri yang dibiayai menggunakan peruntukan persekutuan, ianya dibina mengikut spesifikasi dan piawaian Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu R1 (5.0 meter lebar), R2 (5.5 meter lebar) dan R3

(6.0 meter lebar). Ini adalah bertujuan bagi memastikan projek – projek tersebut boleh didaftarkan dan disenggara di bawah sistem MARRIS (*Malaysia Road Registration Information System*) apabila siap dilaksanakan kelak.